



Buletin **KERJA RAYA**

Edisi Januari - Februari 2012 | ISSN : 1985-4595 | www.kkr.gov.my



**Institut
Kanser Negara
Dijangka Siap 2013**
ms. 03

**Minggu Pembinaan
Antarabangsa
(ICW 2012)**
ms. 04

**Hospital
Shah Alam
Siap Oktober 2013**
ms. 10

**Kontraktor
Tempatan Diberi
Keutamaan**
ms. 11

Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg. Datuk Himmat Singh
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarang

En. Devaraj Subramaniam

Pengarang

En. Mohd Rizal bin Hashim
Pn. Aisah binti Ghazali
Pn. Asiah binti Badiuzaman
Pn. Azlina binti Yahya
Cik Nur Asyikin binti Azizan
En. Mohd Fauzan bin Mohd Lazi
Cik Nur Diana binti Jafluz
Pn. Nithiakala Manickam

Fotografi

En. Rosdin bin Sabni
Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat
Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

Reka Bentuk/Pencetak

Marzuq Print & Trading
Tel: 03 6188 1131

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2771 4616 / 4619

Faks : 03-2711 1101

E-mel : pro@kk.gov.my
www.kkr.gov.my

Minda Pengarang

Tahun 2012 menyaksikan beberapa program telah dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan agensinya. Bermula dengan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) sehinggalah Majlis Perasmian Kuarters Baru Jabatan Kerja Raya (JKR), Cheras oleh YAB. Perdana Menteri, semua program-program berkenaan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sekalung tahniah daripada pihak kementerian kepada semua yang terlibat terutamanya agensi seperti Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Peminaan Malaysia (CIDB) dalam menjayakan program-program berkenaan. Apa yang dilihat, fasa transformasi negara terus dijangka dan komitmen kerajaan terhadap slogan "Rakyat Didahulukan" masih berada pada landasan yang betul.

Baru-baru ini, media massa banyak memperkatakan tentang "nafas baru" industri pembinaan negara. Melalui kenyataan CIDB, jangkakan jumlah keseluruhan projek bernilai RM 90 bilion akan dilaksanakan pada tahun 2012. Pelaksanaan projek-projek permulaan di bawah Program Transformasi Ekonomi akan menjadi antara pemacu utama bagi projek-projek kerajaan dan swasta pada tahun ini.

Melihat akan angka nilai projek, dapatlah diterjemahkan bahawa industri pembinaan negara sememangnya rancak berkembang dan menjadi antara sektor peneraju utama kepada agenda pembangunan negara. Namun, pemain industri pembinaan tempatan perlulah membuka mata dan mengambil peluang ini untuk terus bersaing terutamanya bagi pemain industri Bumiputera. Industri pembinaan tidak dinafikan antara industri yang mempunyai persaingan yang sangat kompetitif di dunia terutamanya kepakaran dan teknologi kontraktor dari luar negara. Memetik kata-kata YAB. Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini di Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2012, beliau menyahut cabaran kepada semua pemain industri tempatan untuk bersedia melakukan anjakan transformasi dan inovasi dalam bidang ini.

"Saya menyeru kepada semua penggiat industri supaya berani untuk mempelajari serta menterjemahkan penemuan dan teknologi terbaru dalam industri, kerana bagi saya jalan ini sahaja merupakan survival dalam cabaran globalisasi masa kini. Di China umpamanya, bangunan hotel setinggi 30 tingkat dapat disiapkan dalam masa 15 hari. Begitu pantas teknologi pembinaan masa kini."

Justeru dengan inisiatif-inisiatif, program dan dasar yang telah didokong oleh kerajaan, serta dibantu oleh komitmen dan usaha berterusan pemain industri tempatan tidak mustahil industri pembinaan Malaysia akan terus unggul bukan sahaja diperingkat rantau ini, malah ke peringkat yang lebih tinggi.

~ pengarang ~

Institut Kanser Negara Dijangka Siap 2013

Putrajaya, 5 Januari – YB. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman Abu Mansor telah mengadakan lawatan ke Tapak Pembinaan Projek Institut Kanser Negara bertempat di Putrajaya bersama Menteri Kesihatan, YB. Dato' Sri Liow Tiong Lai.

Projek ini merangkumi pembinaan satu (1) blok bangunan hospital utama yang menempatkan 252 katil pesakit termasuk empat (4) tingkat podium, dua (2) tingkat besmen dan tujuh (7) tingkat blok wad. Pembinaan telah dimulakan pada 1 September 2010 dan dijangka siap pada 31 Ogos 2013.

Semasa bercakap kepada pemberita, YB. Menteri menjelaskan peruntukan rolling plan pertama RMke - 10 KKR, sebanyak 300 buah projek telah diluluskan dengan siling sebanyak RM5.83 bilion. Projek ini merangkumi 233 projek sambungan dari RMke - 9 dan 67 lagi projek baru. Turut hadir di majlis tersebut adalah, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Y.Bhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Y.Bhg. Datuk Kamarul Zaman bin Md Isa dan pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua kementerian.




Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW 2012)

Kuala Lumpur, 14 Februari – Kementerian Kerja Raya menerusi agensinya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah menganjurkan program Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW 2012). Program yang berlangsung selama 3 hari itu bermula dari 14 hingga 16 Februari 2012 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) telah dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Program ini bertindak sebagai wadah pertemuan dan saluran komunikasi penggiat industri pembinaan tempatan dan luar negara melibatkan kumpulan Profesional, Jurutera, Arkitek, Para Akademik, Kontraktor, Penyelidik, Syarikat Perunding serta Pembekal dari dalam dan luar negara.

Dalam ucapan perasmian Y.A.B Perdana Menteri, beliau membuat pengumuman, penggunaan teknologi IBS akan diperluas ke kawasan luar bandar di mana gelombang pertama akan membabitkan 25 buah sekolah di Sabah dan 9 buah sekolah di Sarawak. Pembinaan bangunan kerajaan lain seperti hospital dan balai polis di luar bandar dan bandar juga boleh diperluas dengan menggunakan kaedah ini. Menurut beliau lagi, penggunaan teknologi IBS ini dapat mengurangkan pembaziran melalui sistem pasang siap dengan suhu bangunan akan menjadi lebih rendah yang secara tidak langsung dapat menjimatkan tenaga di samping lebih mesra alam. Ia juga mampu mengekalkan kualiti dan tahan lama serta lebih menjamin tahap keselamatan sesebuah bangunan kerana kaedah ini menggabungkan kepakaran teknologi tempatan dan luar negara.

Turut hadir bersama pada majlis perasmian adalah Y.B Menteri Kerja Raya, Datuk Sri Shaziman Abu Mansor, Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Y.Bhg. Datuk Ir. Hamzah Hassan serta pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Agensi.









Kontraktor Tempatan Perlu Tingkatkan Kemahiran

Kuala Lumpur, 15 Februari- Kontraktor tempatan perlu meningkatkan kepakaran dalam bidang pembinaan supaya dapat bersaing dengan kontraktor negara lain. YAB. Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Yassin, Timbalan Perdana Menteri berkata demikian dalam majlis "The Malaysia Construction Industry Excellence Award (MCIEA) 2011" yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre. Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Seri Shaziman Bin Abu Mansor hadir bersama dalam majlis ini.

Dalam majlis ini, kontraktor yang berjaya dalam beberapa bidang telah diberi anugerah pencapaian. Anugerah disampaikan oleh YAB. Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Yassin, Timbalan Perdana Menteri. YB. Senator Tan Sri

Datuk Tee Hock dari Kumpulan Bina Puri Holdings Berhad telah menerima anugerah dalam kategori Pencapaian Antarabangsa. Manakala kontraktor terbaik telah diterima oleh Syarikat Trans Resources Corporation Sdn. Bhd. Ketua Eksekutif Dato' Sri Sufri bin Hj. Mohd. Zin telah menerima anugerah tersebut.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Y.Bhg. Datuk Himmat Singh, Pengerusi CIDB Malaysia, Y.Bhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan, Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Sri Ir Dr. Judin Bin Abd Karim serta kontraktor tempatan. CIDB mengadakan majlis tahunan ini sempena minggu Kontraktor Antarabangsa.



Perasmian Kwarters Baru JKR Batu 4 ½ Jalan Sungai Besi Oleh YAB. Perdana Menteri

Kuala Lumpur, 18 Februari – YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah merasmikan kuarters baru JKR di Batu 4 ½ Jalan Sungai Besi kelmarin. Dalam ucapan perasmian YAB Perdana Menteri, beliau berkata kuarters baru itu bakal didiami oleh 60 kakitangan kumpulan sokongan JKR sebagai tanda kerajaan telah mengotakan janjinya apabila kakitangan JKR terbabit menerima kunci rumah baru pada majlis perasmian tersebut. Ini bertepatan dengan matlamat kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat bukan sahaja di luar bandar, tetapi juga bagi golongan yang berpendapatan rendah serta sederhana di bandar.

Kwarters baru JKR yang bernilai RM19 juta daripada RM28 juta yang diperuntukkan ini juga mempunyai 9 tingkat yang mengandungi 60 unit rumah bersaiz 110 meter persegi

setiap satu dengan di dalamnya terdapat 3 bilik tidur, 2 bilik mandi selain kemudahan seperti tabika, gelanggang futsal, dewan, taman permainan kanak-kanak serta 209 petak meletak kenderaan telah turut dibina dan telah dapat disiapkan dalam tempoh kurang dari 18 bulan dan ia adalah lebih cepat daripada jangkaan jadual asal.

Kehadiran YAB Perdana Menteri telah disambut oleh YB Datuk Seri Shaziman Bin Abu Mansor, Menteri Kerja Raya dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, YB Datuk M Saravanan. Seramai kira-kira 5,000 warga kota yang hadir bagi memeriahkan lagi majlis. Pada majlis yang sama juga turut diraikan penyerahan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan Bantuan Pelajar-pelajar Cemerlang PMR dan SPM.





HOSPITAL SHAH ALAM SIAP OKTOBER 2013

Shah Alam, 16 Februari – Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Seri Shaziman Bin Abu Mansor telah mengadakan lawatan kerja ke tapak projek Hospital Shah Alam bagi membuat rundingan dengan kontraktor serta meninjau permasalahan di sekitar tapak pembinaan. Bagi tujuan ini, kementerian mengambil langkah dengan meletakkan pasukan khas supaya memudahkan dan membantu kontraktor projek pembinaan berurusan dengan pihak JKR terutama bagi masalah yang memerlukan keputusan segera supaya projek tersebut dapat disiapkan mengikut jadual.

YB Menteri menegaskan, kementerian akan memberi keutamaan kepada projek berimpak tinggi seperti hospital dan sekolah serta memantau projek berkenaan supaya siap mengikut jadual dan membantu kontraktor yang menghadapi masalah ketika menyiapkan projek berkenaan. Pasukan khas yang dihantar juga adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan mempunyai kebolehan untuk membuat keputusan.

Menurut beliau lagi, hospital yang bernilai RM410 juta itu dijangka akan siap sepenuhnya pada Oktober 2013 ini bakal mengatasi masalah kesesakan dan kekurangan katil di Hospital Tuanku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang. Turut hadir bersama ke tapak projek adalah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Y.Bhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Mohd Noor bin Yaacob, serta pegawai-pegawai kanan kementerian.





Kontraktor Tempatan Diberi Keutamaan

Tampin, 19 Januari – Mulai tahun ini, projek penyelenggaraan bagi Jalan Persekutuan yang baru di seluruh Malaysia akan memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan melalui sistem tender terbuka dan tidak lagi diberikan terus kepada syarikat konsesi.

Menteri Kerja Raya YB. Datuk Seri Shaziman Abu Mansor berkata, kira-kira 14,100 kilometer Jalan Persekutuan yang diselenggarakan oleh tiga syarikat konsesi sejak 2001 dan akan tamat pada 15 Februari 2016.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tampin, hadir ke Dewan Majlis Daerah Tampin dan Kampung Baru Cina, bagi menyampaikan bantuan rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan memberi sumbangan ikhlas berupa hamper kepada penduduk Tampin sempena Tahun Baru Cina.





Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Kementerian Kerja Raya 2012

Kuala Lumpur, 13 Februari- Kementerian Kerja Raya telah mengadakan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Kementerian Kerja Raya 2012 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kementerian Kerja Raya. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran YB. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman Bin Abu Mansor serta Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Yong Khoo Seng.

Dalam ucapan YB. Dato' Yong Khoo Seng, beliau mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua masyarakat Tionghua di samping memuji konsep rumah terbuka yang menjadi amalan pada setiap perayaan

di Malaysia dan secara tidak langsung ianya dapat mewujudkan semangat harmoni sesama bangsa serta memupuk perpaduan di antara kaum. Mengikut kalender Cina, tahun ini merupakan tahun naga air dan beliau berharap semoga tahun naga air ini dapat memberi tuah pada semua warga Kementerian Kerja Raya.

Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan tarian singa, muzik Tionghua dan wushu oleh SMK Confucian Kuala Lumpur.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Y.Bhg. Datuk Himmat Singh, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Y.Bhg. Puan Sri Dato' Zaiton Bt Mhad Ali, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Y.Bhg. Dato' Haji Nasir Mat Dam, Ketua Pengarah Kerja Raya, Y.Bhg. Dato' Ir. Hj. Mohd Noor Bin Yaacob, Pengerusi CIDB Malaysia, Y.Bhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan, pegawai-pegawai kanan serta warga kementerian.



Kempen Keselamatan Jalan Dan Lebuhraya, Kementerian Kerja Raya Sempena Tahun Baru Cina 2012

Petaling Jaya, 19 Januari – Majlis Perasmian Kempen Keselamatan Jalan Raya peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan pada 19 Januari 2012 bertempat di Depoh Penyelenggaraan, Kompleks Operasi Litrak yang dirasmikan oleh YB. Menteri Kerja Raya Datuk Seri Shaziman Abu Mansor.

Dalam teks ucapan beliau yang dibacakan oleh Y.Bhg Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR berkata, peruntukan termasuk RM 16.35 juta bagi menambahbaik 40 lokasi di jalan persekutuan manakala RM 1.27 juta untuk 15 lokasi di lebuhraya yang dilaksanakan secara komited oleh agensi pelaksanaan melibatkan Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Lebuhraya pada tahun ini bertemakan “Selamatkan Nyawa Anda : Pakai Tali Pinggang Keledar Belakang”, yang mana secara jelas memfokuskan kepada usaha-usaha bagi meningkatkan kesedaran pengguna mengenai pemasangan serta pemakaian tali pinggang keledar belakang.

Turut hadir Tan Sri Dato’ Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Hj. Wan Yaacob, Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia, Datuk Salleh Bin Yusop, Yang Dipertua Majlis Keselamatan Jalan Raya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, En Sazally Saidi, Ketua Pegawai Eksekutif LITRAK serta pegawai-pegawai kanan dari kementerian serta agensi.



Majlis Makan Malam Menteri Bersama Penggiat Industri Binaan

Majlis Jamuan Makan Malam YB Menteri Kerja Raya Dengan Penggiat Industri telah diadakan pada 13 Februari 2012 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) bersempena Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2012. Menteri Kerja Raya, YB Datuk Seri Shaziman Bin Abu Mansor telah memberi ucapan dalam Majlis Jamuan Makan Malam tersebut. Turut menyerikan Majlis Jamuan Makan Malam itu adalah Ketua Setiausaha KKR, YBhg Datuk Himmat Singh, Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Sri Ir Dr. Judin Bin Abd Karim, pegawai-pegawai dari Kementerian dan agensi serta 36 orang wakil penggiat industri pembinaan. YB Menteri juga telah menyarankan agar para penggiat industri dapat memberi keutamaan kepada penggunaan kaedah IBS di dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan dan swasta memandangkan tahap penggunaan IBS tersebut adalah masih rendah. Di samping itu, YB Menteri menyeru supaya syarikat-syarikat pembinaan perlu membuat transformasi dengan menerokai bidang-bidang baru seperti sektor minyak dan gas yang menawarkan peluang yang sangat banyak hasil dari pelaburan oleh syarikat-syarikat minyak utama seperti PETRONAS dan Shell.





Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1433H / 2012M Peringkat Kementerian Kerja Raya



Kuala Lumpur, 22 Februari- Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1433H/2012M Peringkat Kementerian Kerja Raya telah diadakan bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid. Majlis dimulakan dengan perarakan oleh warga Kementerian Kerja Raya (KKR) serta agensi bermula dari perkarangan Blok A ke Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid.

Majlis disusuli dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Qari, Encik Mohd Safwan Bin Hj Harisah dari Bahagian Perancang Jalan Kementerian Kerja Raya, persembahan nasyid oleh Hafiz Hamidun serta Ceramah Maulidur Rasul oleh Y.Bhg Dato' Ustaz Mohd Zawawi Bin Yusoh. Seramai 600 orang telah hadir ke majlis ini.

Turut memeriahkan majlis, Y.Bhg. Dato' Haji Nasir Bin Mat Dam, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Tuan Haji Abdul Rahim Goon, Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Encik Taib Bin Yaacob, Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Pengerusi Surau KKR, warga kementerian serta agensi.



Keratan Akhbar

Road project has two phases

JKR team responsible for federal road maintenance

The road project has two phases, with the first phase focusing on road maintenance and the second phase focusing on road expansion. The JKR team is responsible for the federal road maintenance project.

Minta JKR turap jalan segera

PELABURHANGLANG - Jabatan Kerja Raya (JKR) diminta mengagilkan peruntukan untuk turap jalan di kawasan ini. Pihak swasta yang terlibat dalam projek ini meminta JKR untuk mempercepatkan proses turap jalan.

Utamakan kontraktor tempatan

Projek adageng Jalan Persekutuan tidak lagi diketi untuk kepada syarikat tempatan. Pihak berkuasa tempatan meminta JKR untuk mengutamakan kontraktor tempatan dalam projek ini.

Projek IKN siap tiga bulan lebih awal

Projek IKN siap tiga bulan lebih awal. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa projek ini telah selesai lebih awal daripada jangkaan.

Guna IBS bina bangunan kerajaan

Guna IBS bina bangunan kerajaan. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa bangunan kerajaan akan dibina menggunakan teknologi IBS.

Industri binaan rail projek RM86b luar negara

Industri binaan rail projek RM86b luar negara. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa projek ini akan melibatkan industri binaan rail luar negara.

Karnival Kerja Industri Pembinaan

KUALA LUMPUR: Pejabat sektor pembangunan dan infrastruktur negeri akan menganjurkan pertandingan maklumat dan strategi pembangunan infrastruktur.

No highway roadworks during CNY

LLM: All building and repairs to be stopped during CNY. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa tiada kerja-kerja pembinaan atau pembaikan akan dijalankan sepanjang perayaan Tahun Baru Cina.

25 syarikat beri diskaun

Caj tol sempena Tahun Baru Cina. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa 25 syarikat akan diberi diskaun caj tol sempena perayaan Tahun Baru Cina.

'Kami nak guna'

Solusikan cari ubah RM11. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa syarikat ini akan mencari penyelesaian untuk masalah yang dihadapi oleh pengguna.

PWD staff now enjoy top-class quarters

PWD staff now enjoy top-class quarters. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa kakitangan PWD kini menikmati bilik-bilik yang lebih baik.

Hari Bertemu Pelanggan

KUALA LUMPUR 21 Feb. Kementerian Kerja Raya (KKR) akan mengadakan Hari Bertemu Pelanggan secara online Khamis ini.

From rat-infested quarters to brand new home

From rat-infested quarters to brand new home. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa kakitangan ini telah dipindahkan ke bilik-bilik yang lebih baik.

Widen global presence, builders told

Widen global presence, builders told. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa pembina bangunan harus memperluas kehadiran global mereka.

ICW 2012 catat potensi urus niaga RM23.95j

ICW 2012 catat potensi urus niaga RM23.95j. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa ICW 2012 mencatat potensi urus niaga RM23.95j.



JKR tubuh pasukan khas

JKR tubuh pasukan khas. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa JKR telah membentuk pasukan khas untuk menangani masalah tertentu.

PM tunai janji naik taraf kuarters JKR

PM tunai janji naik taraf kuarters JKR. Pihak berkuasa tempatan mengumumkan bahawa PM telah menepati janji untuk menaikkan taraf kuarters JKR.

